

18 FEB 1997

Mahathir-de Langkawi

DR MAHATHIR LANCAR LE TOUR DE LANGKAWI

KOTA KINABALU, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Le Tour de Langkawi (LTdL) 1997 di sini dan memuji sektor swasta kerana menaja kejohanan lumba basikal terulung itu.

Dr Mahathir berkata beliau sangat gembira dan terhutang budi kerana pelbagai syarikat di negara ini telah menyahut seruan dalam menaja LTdL edisi kedua itu.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para penderma kerana kemurahan hati menyumbangkan wang ringgit yang diperlukan untuk menganjurkan kejohanan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata penganjuran kejohanan lumba basikal bertaraf dunia itu akan membantu meletakkan Malaysia dalam peta lumba basikal dunia.

Beliau berkata dengan bantuan sektor swasta hadiah wang tunai bagi kejohanan tahun ini ditingkatkan kepada RM1.2 juta daripada RM1 juta pada tahun lepas.

Perdana Menteri juga memuji pelbagai syarikat, yang hari ini menderma dan berikrar lebih RM10 juta kepada penganjur, kerana tajaan mereka tanpa mengharapkan sesuatu balasan.

Antara penyumbang itu ialah Malaysia Electrical Company (MEC) yang mendermakan RM3 juta, Gamuda (RM1 juta), DRB-Hicom (RM500,000), G.S. Gill (RM500,000) dan P. T. Sampoerna (RM400,000).

Sebanyak 150 pelumba daripada 25 pasukan akan beraksi sepanjang 12 hari bermula esok sehingga 2 Mac pada kejohanan itu yang merupakan acara lumba basikal ketiga paling lumayan di dunia selepas Tour de France dan Tour de Italy.

Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar negeri Datuk Bernard Dompok akan melepaskan para pelumba esok.

Kejohanan itu merangkumi 12 peringkat meliputi jarak sejauh 1,628 kilometer.

Ia dimulakan dengan perlumbaan sirkit di sini sebelum diteruskan ke Kuching, Batu Pahat/Bandar Melaka, Port Dickson/Sunway Lagoon, Kuala Lumpur, Bukit Kiara/ Genting Highlands, Bentung/Kuantan, Kuantan/Kuala Terengganu, Kuala Terengganu/Kota Baharu, Jeli/Grik, Kangar/Pulau Pinang dan Pulau Langkawi.

Para pelumba itu adalah dari Malaysia, Giant-AIS dari Australia, Casino dari Perancis, Mapei-GB dan MG Technogym dari Itali, Cedico dan Tegel Toko dari Belgium, Post Swiss dari Switzerland, Saturn dari Amerika Syarikat dan Schauff Oschelbronn dari Jerman.

Pasukan lain ialah Tuul Tunturi dari Finland, Kanada, China, Denmark, Britain, Indonesia, Ireland, Jepun, Kazakhstan, New Zealand, Norway, Filipina, Slovakia, Afrika Selatan dan Korea Selatan.

Malaysia akan diwakili M.Kumaresan, Nor Effandi Rosli, Seong Hoong Tsen, Muhamad Suhaimi Keton, Azizan Manaf dan Faizal Izuan Abd Malik. --
BERNAMA

KG MAN AKD